

## ABSTRAK

ABU ZAKI BIN HJ ISMAIL. *Al-Khilāfah Al-Islāmiyyah Menurut Al-Quran: Suatu Kajian Terhadap Kefahaman Masyarakat Islam Di Kuala Lumpur*. Disertasi, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Malaysia, 2001.

Kajian ini membincangkan tentang konsep *khilāfah* di dalam Islam berdasarkan kepada perspektif yang dipaparkan di dalam al-Qur'ān. Kajian disasarkan kepada tahap kefahaman masyarakat Islam Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur. Sejarah *khilāfah* Islam yang gilang gemilang telah diakhiri oleh keruntuhan sistem tersebut dengan kejatuhan pemerintahan Islam Turki °Uthmāniyyah pada tahun 1924 M. Lantaran itu, muncullah suara-suara di kalangan umat Islam dan ulamaknya untuk kembali kepada sistem *khilāfah* Islam. Penulis cuba melihat reaksi masyarakat Islam sendiri terhadap seruan tersebut selain dari mengenal pasti kefahaman mereka terhadap konsep *khilāfah* Islam seperti yang digagaskan oleh al-Qur'ān.

Hasil daripada kajian ini, penulis dapati:

1. Al-Qur'ān telah memberikan gambaran yang sebenar terhadap realiti kehidupan manusia dan peranan mereka di bumi dengan mencatatkan sejarah kemunculan mereka di alam ini sebagai khalifah (pengganti).
2. Manusia hendaklah mengikut kehendak Allah Yang Maha Memiliki dalam segala urusan kehidupan mereka kerana mereka hanya sekadar menguruskan satu amanah dari Allah s.w.t. sebagai pentadbir bagi pihak-Nya. Pengecualian hanya berlaku di dalam perkara-perkara yang tidak diputuskan oleh Allah s.w.t. dan Rasul-Nya s.a.w.

3. Konsep *khilāfah* (pengganti) di dalam Islam telah menjamin bahawa pemerintahan Islam meletakkan pemimpin hanya sebagai wakil, bukan pemilik daerah dan wilayah pemerintahannya. Kuasa pemerintahan itu dikongsi bersama rakyat melalui kaedah syura bagi memenuhi kehendak Tuhan yang mencipta dan melantik manusia sejak awal sebagai pengganti.
4. Sejarah mencatatkan kepimpinan generasi demi generasi yang silih berganti antara golongan yang benar dan golongan sesat. Walau bagaimanapun, golongan yang benar dijanjikan akan kembali memimpin manusia seperti telah dikurniakan Allah s.w.t kepada generasi terdahulu.
5. Secara umumnya, masyarakat Islam di Kuala Lumpur sudah memahami topik *khilāfah* dengan baik termasuk sebahagian dari mereka yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan sistem tersebut.
6. Program-program pengajian ilmu agama secara tidak rasmi telah membantu meningkatkan kefahaman masyarakat Islam di dalam memahami konsep *khilāfah* Islam.

## **ABSTRACT**

*This research discusses the concept of khilāfah in Islam based on the Quranic perspective. The research is focussed to the Malaysian Muslims standard of understanding, specifically in Kuala Lumpur. The glimerring history of Islamic caliphate ended when the Ottoman Empire perished in 1924 AC. therefore, voices were echoed among the ummah and its scholars that the Islamic caliphate system be restored. The author is trying to look at Muslims reactions themselves on the exclamation besides identifying their standard of understanding on the concept of khilāfah in Islam as the Quran thought it.*

*From this study, it is concluded:*

- 1. Quran has given the true picture of their existence and the role of mankind as it noted the history of human creation in the universe as a caliph (deputy).*
- 2. Human must obey the will of Allah s.w.t. The Sovereign in every manner of their daily life. Man are in actually trust bearers of Allah. Exceptances only occur in matters, which is not decided neither by Allah nor the Prophet p.b.u.h.*
- 3. The concept of khilāfah in Islam, ensures that Islamic rule put the leaders as deputies, not the owner of province and territory in which they rule. The authority to rule is shared with the people through the method of 'syura' to*

*fulfil the will of God since the creation and appointment of mankind as His deputy.*

4. *History had recorded the change leadership, from generations to generations, the truthful and otherwise, And Allah promised that the truthful will finally come to lead mankind as it happened the earlier generations.*
5. *In general, Muslims in Kuala Lumpur understood the topic of khilāfah well, including those who disagree to the implementation of the system.*
6. *Informal religion preaching programs has help in increasing Muslims understanding on the Islamic concept of khilāfah.*